

Cadang pelepasan cukai pendapatan dalam Bajet 2017

SUNWAY Property berharap, kerajaan meneruskan dasar-dasar yang menggalakkan pembelian dan pemilikan hartanah, dalam Bajet 2017.

Dalam kenyataan medianya, Sunway Property berkata, inisiatif itu akan membantu pembeli rumah terutama, rumah pertama.

"Kami berharap, kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memperkenalkan semula pelepasan cukai pendapatan ke atas faedah pinjaman perumahan oleh individu.

"Pelepasan ini sebelum ini, telah disediakan untuk hartanah dibeli antara Mac 2009 dan Disember 2010," katanya.

Menurut kenyataan itu, Sunway Property berkata, pelepasan cukai pendapatan itu sekali gus dapat meningkatkan jumlah pendapatan boleh guna, seterusnya meningkatkan keupayaan individu untuk membeli atau menaik taraf hartanah mereka.

sinav 10/00



SUNWAY
PROPERTY

"Pelepasan cukai yang sama juga boleh didapati di negara-negara seperti Australia dan United Kingdom," katanya.

Dalam kenyataan sama, Sunway Property turut menyatakan persetujuan berhubung cadangan supaya meningkatkan peruntukan dalam dana Akaun 2, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), daripada 30 peratus, pada masa kini.

"Kami bersetuju dengan cadangan ini kerana ia akan membolehkan pembeli hartanah, mengeluarkan jumlah yang lebih besar daripada Akaun 2 KWSP, bagi membantu dengan bayaran pendahuluan, terutama mereka yang diberikan margin lebih rendah, daripada pembiayaan bank.

"Kami percaya pemilihan harta adalah juga satu bentuk simpanan dan tidak akan memberi kesan negatif kepada penyumbang KWSP atau pelan persaraan mereka," katanya.



Sunway Property berharap supaya kerajaan meneruskan dasar-dasar yang menggalakkan pembelian dan pemilikan hartanah, dalam Bajet 2017. - Gambar hiasan.